



SIARAN AKHBAR
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

KES TANGKAPAN BARANG-BARANG TEGAHAN KASTAM

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang telah menjalankan gerakan operasi bersepadu bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pada hari Sabtu, 07hb Februari 2026 di kawasan Kg Menunggol (*Area of Operation II*).
2. Hasil operasi telah menemukan dan menahan barang-barang kesalahan kastam iaitu:
 - i. 1,110 karton rokok;
 - ii. 108 botol dan 02 tin minuman keras; dan
 - iii. Dua buah perahu berserta enjin yang dipercayai digunakan untuk menjalankan aktiviti penyeludupan.
3. Kesemua barang-barang terbabit telah dirampas dan dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.
4. Sehubungan dengan itu, JKED mengingatkan kepada orang ramai untuk sentiasa mematuhi mana-mana perundangan Negara ini termasuk mengelakkan sebarang penglibatan dalam memiliki, menjual ataupun membeli barang-barang sekatan dan larangan Kastam. Barangsiapa yang didapati terlibat akan dikenakan tindakan undang-undang sepertimana peruntukan kuasa di bawah Perintah Kastam 2006 / Perintah Eksais 2006.
5. Dalam pada yang sama, JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dalam menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan. Orang ramai dialu-alukan untuk melaporkan mana-mana kejadian yang menyalahi perundangan Kastam dan Eksais dengan cara menghubungi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di talian +673 8714422 / +673 8721422 ataupun terus membuat laporan ke pejabat Kastam yang berdekatan.

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
Tarikh: 10.02.2026
RUJ KES KASTAM: ENF/PR//2026

GAMBAR BARANG RAMPASAN TANGKAPAN PADA 07 FEBRUARI 2026

